

SEDIAAN-SEDIAAN TELINGA

**Sediaan-sediaan Titis Telinga Antibakteria
Sediaan-sediaan Titis Telinga Antibakteria & Antiinflammasi**



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAI **ubat anda**

Sediaan-sediaan ini mengandungi antibiotik-antibiotik untuk merawat jangkitan-jangkitan pada saluran telinga. Sesetengah sediaan juga mengandungi kortikosteroid untuk melegakan kemerahan, kepedihan serta ketidakselesaian yang disebabkan oleh sesetengah masalah telinga.

BAGAIMANAKAH **saya menggunakan ubat ini?**

- Cucikan tangan anda. Baring atau condongkan kepala anda ke tepi supaya telinga yang terlibat menghadap ke atas.
- Luruskan saluran telinga dengan menarik cuping telinga ke atas dan menghadap ke belakang untuk orang dewasa (tarik ke bawah dan menghadap ke belakang untuk kanak-kanak).
- Titiskan ubat mengikut jumlah titisan ubat yang dipreskripsikan oleh doktor ke dalam telinga. Pastikan penitis ubat tidak tersentuh telinga atau sebarang permukaan lain.
- Biarkan telinga dalam keadaan condong untuk beberapa minit untuk memastikan ubat diserap (atau kapas boleh digunakan untuk menyumbat telinga supaya ubat tidak mengalir keluar).

Untuk membantu jangkitan sembuh dengan sepenuhnya, terus gunakan ubat ini sepanjang rawatan walaupun simptom atau ketidakselesaian anda sudah hilang. Jangan terlupa sebarang dos. Namun, jangan menggunakan ubat lebih daripada jangka masa yang dipreskripsikan/ diarahkan oleh doktor.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Gunakan dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan menggunakan 2 dos pada waktu yang sama.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Beritahu doktor anda jika:

- anda mengalami kegatalan, kemerahan atau kebengkakan yang tidak pernah wujud sebelum penggunaan ubat.
- anda mengalami perasaan terbakar atau menyucuk di dalam telinga.
- anda perasan berlakunya sebarang kesan yang anda rasa mungkin disebabkan oleh ubat ini.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor jika:

- Anda mempunyai tindakan alahan terhadap sebarang bahan di dalam sediaan ini atau alahan terhadap bahan-bahan seperti pengawet atau pewarna.
- Anda ketiadaan gendang telinga atau gendang telinga berlubang
- Anda sedang hamil, menyusui anak atau mungkin hamil
- Keadaan anda tidak bertambah baik dalam masa 5 hingga 7 hari atau keadaan bertambah buruk.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Pastikan botol ubat ditutup ketat dan simpan ubat di dalam suhu bilik dan jauh daripada haba, cahaya dan kelembapan. Buangkan ubat setelah dibuka selama 4 minggu.

